

YURAN

► DIPLOMA

DIPLOMA SAINS / DIPLOMA SAINS (MATEMATIK)
/ DIPLOMA TEKNOLOGI MAKMAL

- ▶ Semester 1 RM 2,082.55
- ▶ Semester 2 dan ke atas RM 1,563.00

► SARJANA MUDA*

SARJANA MUDA PENDIDIKAN (SAINS / BIOLOGI
/ FIZIK / KIMIA / MATEMATIK)

SARJANA MUDA SAINS (MATEMATIK) DENGAN
PENDIDIKAN

- ▶ Semester 1 RM 2,277.35
- ▶ Semester 2 dan ke atas RM 1,387.35

Nota

* Ini adalah jumlah yuran semester 1 sahaja yang merangkumi **yuran kolej kediaman** sebanyak **RM563.35**



UPSI adalah **satu-satunya universiti di Malaysia** yang menganggotai **International Student Exchange Programme (ISEP)**. Setiap **pelajar UPSI** berpeluang membuat **pertukaran** dengan **universiti di luar negara**.

PROSPEK KERJAYA

- ▶ Guru
- ▶ Pegawai Sains
- ▶ Pegawai Tadbir
- ▶ Usahawan
- ▶ Pegawai Eksekutif
- ▶ Saintis
- ▶ Pensyarah
- ▶ Pegawai Penyelidik
- ▶ Angkasawan

UNTUK MAKLUMAT LANJUT

FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK

Kampus Sultan Azlan Shah
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak

☎ +6015 4879 7205 / 7519 / 7673

☎ +6015 4879 7296

✉ info@fsmt.upsi.edu.my

www http://fsmt.upsi.edu.my



Fakulti Sains Dan Matematik

#cemerlangbersama



Fakulti Sains Dan Matematik

Fakulti Sains dan Matematik (FSM) bermula dengan tertubuhnya Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada tahun 1997 dengan nama Fakulti Sains dan Teknologi (FST). Selaras dengan visi dan misi untuk mentransformasikan UPSI ke peringkat antarabangsa, UPSI telah menstruktur semula Fakulti Sains dan Teknologi kepada Fakulti Sains dan Matematik (FSM) berkuatkuasa mulai 1 Jun 2010.

Fakulti Sains dan Matematik (FSM) akan memainkan peranannya dalam pembangunan dan transformasi agenda pendidikan negara serta STEM (Science, Technology, Engineering, Mathematics) melalui program pengajian sedia ada, penyelidikan, perundingan, penerbitan dan aktiviti khidmat masyarakat.

Terdapat empat (4) jabatan di bawah struktur pengurusan FSM iaitu:

- ▶ Jabatan Biologi
- ▶ Jabatan Fizik
- ▶ Jabatan Kimia
- ▶ Jabatan Matematik

Kecemerlangan Fakulti Sains dan Matematik adalah gabungan kecemerlangan pensyarah, penyelidik, pentadbir dan pegawai sokongan dalam memberikan perkhidmatan kepada pelajar, menyediakan kemudahan dan prasarana pengajaran yang komprehensif dan terkini. Kemudahan makmal diuruskan oleh mereka yang pakar dalam bidang teknikal untuk membantu pelajar menjalani proses pembelajaran yang kondusif dan mengasah kemahiran praktikal mereka.

PROGRAM

- ▶ **DIPLOMA SAINS**
- ▶ **DIPLOMA SAINS (MATEMATIK)**
- ▶ **DIPLOMA TEKNOLOGI MAKMAL**

Tempoh Pengajian: 6 semester / 2 tahun

- ▶ **IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (BIOLOGI) DENGAN KEPUJIAN**
- ▶ **IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (FIZIK) DENGAN KEPUJIAN**
- ▶ **IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (KIMIA) DENGAN KEPUJIAN**
- ▶ **IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (SAINS) DENGAN KEPUJIAN**
- ▶ **IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (MATEMATIK) DENGAN KEPUJIAN**
- ▶ **IJAZAH SARJANA MUDA SAINS (MATEMATIK) DENGAN PENDIDIKAN**

Tempoh Pengajian: 8 semester / 4 tahun

SYARAT AM KEMASUKAN

▶ IJAZAH SARJANA MUDA

Lulus SPM dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam Bahasa Melayu / Bahasa Melayu Kertas Julai dan lulus Sejarah (mulai SPM tahun 2013).

DAN

Lulus STPM dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 serta Gred C Pengajian Am dan Gred C dalam dua (2) mata pelajaran lain.

ATAU

Lulus Matrikulasi / Asasi UiTM / Asasi UM dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00.

ATAU

Lulus STAM dengan mendapat sekurang-kurangnya pangkat JAYYID.



FSM

ATAU

Memiliki Diploma dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dalam bidang yang berkaitan.

DAN

Mendapat keputusan MUET Band 2 dan ke atas.

▶ **DIPLOMA**

Lulus SPM dengan Lima (5) kepujian termasuk Bahasa Melayu dan Lulus Sejarah (mulai SPM 2013).